

CITRA DAN STATUS DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH
M. RAMAIAH

MAGASWARI ELIYARNI A/P SUBRAMANIAM

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA HUMANIORA
(KESUSASTERAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKLUTI BAHASA & KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis citra wanita, kedudukan citra wanita dan menganalisis citra perjuangan watak wanita dalam tujuh buah novel terpilih M.Ramaiah. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Jenis citra wanita dikenal pasti mengikut teori A. Wahab Ali dan Ungku Maimunah Mohd Tahir. Kedudukan dan perjuangan wanita dikenal pasti mengikut teori femenisme Naomi Wolf. Kajian berasaskan A. Wahab Ali, mendapati 20 peratus watak wanita moden, 32.73 peratus watak wanita transisi dan 47.27 peratus watak wanita tradisi. Disambing itu, kajian berasaskan Ungku Maimunah Mohd Tahir menunjukkan 47.27 peratus watak wanita positif, 18.18 peratus watak wanita negatif, 23.64 peratus wanita tragis dan 10.91 peratus watak wanita tidak jelas dalam novel-novel tersebut. Dapatkan kedua menunjukkan bahawa 8 peratus wanita adalah mangsa feminism, 58 peratus wanita adalah feminis yang berkuasa, 30 peratus wanita adalah mempunyai kedua-dua ciri tersebut dan 4 peratus tidak mempunyai kedua-dua ciri tersebut. Dapatkan ketiga kajian ini menunjukkan bahawa M. Ramaiah menonjolkan watak wanita dalam novel-novelnya sebagai tidak berupaya untuk mengubah nasib malang mereka. Beliau berjaya mencerminkan citra, kedudukan dan perjuangan wanita India dalam novel-novelnya. Kesimpulannya, kajian ini mendedahkan pelbagai dilema dan isu yang berlaku dalam masyarakat India di Malaysia. Penonjolan watak wanita dalam novel yang akan dihasilkan perlulah menonjolkan imej yang lebih positif terhadap watak-watak wanita India di Malaysia.

IMAGE AND STATUS OF WOMEN IN THE SELECTED NOVELS OF M.RAMAIAH

ABSTRACT

This study aims to review women image, status and emancipation in the selected novels of M.Ramaiah. Three objectives of this study are to identify the type of women image, identify the status of women's image and analyzing the emancipation of the women in the selected novels of M.Ramaiah. This study uses textual analysis and library research. Feminist theory proposed by Showalter and Naomi Wolf was used to study these selected novels. The image of a woman is identified by scholars A.Wahab Ali and and Ungku Maimunah Mohd Tahir. The findings was based on A.Wahab Ali in selected novels of M.Ramaiah found reveal that, there were 20 percent of modern female characters, 32.73 percent of transition female characters and 47.27 percent of tradition female characters. The findings based on Ungku Maimunah Mohd Tahir, there were 47.27 percent of positive female characters, 18.18 percent negative female characters, 23.64 percent tragic female characters and 10.91 percent ambiguous female characters. The status of womens image was identified by using Naomi Wolf theory. The second objective findings show that 8 percent of women were feminist victims, 58 percent were power feminists. 30 percent of women have both features and 4 percent do not have both features. The third findings of the study found that M. Ramaiah was highlighting the female characters in his novels incapable of changing their pathetic conditions. M.Ramaiah managed to reflect the image, status and emancipation of Indian women in the selected novels. This study reveals various dilemmas and women's issues in the society with the hope of changing the status of Indian women in Malaysia.

KANDUNGAN

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

Muka Surat

| | |
|--------------------------|-------------|
| PERAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | x |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI SINGKATAN | xiii |
| TRANSLITERASI | xiv |

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

BAB 1 PENGENALAN

| | |
|----------------------------------|-----------|
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1..3 Permasalahan Kajian | 9 |
| 1.4 Objektif Kajian | 18 |
| 1.5 Soalan Kajian | 18 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 19 |
| 1.7 Batasan Kajian | 20 |
| 1.8 Sumber Kajian | 22 |
| 1.9 Definisi Konsep | 22 |
| 1.9.1 Feminisme | 23 |
| 1.9.2 Pemikiran | 24 |
| 1.9.3 Citra | 24 |
| 1.10 Kesimpulan | 25 |

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

| | | | | |
|--|---|--|--|---|
| BAB 2 | SOROTAN LITERATURE | | | |
|  05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi |
| 2.1 | Pengenalan | 26 | | |
| 2.2 | Pemikiran, Feminisme Dan Pemikiran Tentang Feminisme | 27 | | |
| 2.2.1 | Pemikiran | 27 | | |
| 2.2.2 | Feminisme | 30 | | |
| 2.2.3 | Pemikiran Tentang Feminisme | 31 | | |
| 2.3 | Kajian-Kajian Terdahulu | 35 | | |
| 2.3.1 | Kajian Pemikiran Novel Tamil Di Malaysia | 36 | | |
| 2.3.2 | Kajian Novel Malaysia Dari Luar Negara | 40 | | |
| 2.3.3 | Kajian Feminisme Malaysia | 45 | | |
| 2.3.4 | Kajian Feminisme Dalam Kesusateraan Tamil Malaysia | 50 | | |
| 2.4 | Kesimpulan | 56 | | |
|  05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | | | |
| 3.1 | Pengenalan | 58 | | |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 58 | | |
| 3.3 | Kerangka Kajian | 61 | | |
| 3.4 | Kaedah Kajian | 62 | | |
| 3.4.1 | Kajian Perpustakaan | 62 | | |
| 3.4.2 | Kajian Teks | 64 | | |
| 3.5 | Kaedah Pengumpulan Data | 64 | | |
| 3.5.1 | Pembacaan Data | 65 | | |
| 3.5.2 | Pemilihan Data-Data Yang Berkaitan Dengan Feminisme | 65 | | |
| 3.5.3 | Pembahagian Mengikut Skop Feminisme | 66 | | |
| 3.5.4 | Penganalisisan Makna Kandungan | 66 | | |
| 3.5.5 | Pembentukan Ciri Citra Umum | 67 | | |

| | | | | | |
|--|---|--|--|---|-----|
|  05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi | |
| 3.6 Teori Kajian | | | | | 68 |
| 3.6.1 Teori Kritis Feminisme Showalter | | | | | 69 |
| 3.6.2 Teori Naom Wolf | | | | | 73 |
| 3.7 Kerangka Kajian Citrai Feminisme | | | | | 76 |
| 3.7.1 Kajian Citra Wanita | | | | | 77 |
| 3.7.2 Jenis Watak Wanita | | | | | 77 |
| 3.8 Kesimpulan | | | | | 82 |
| BAB 4 DAPATAN KAJIAN | | | | | |
| 4.0 Pengenalan | | | | | 83 |
| 4.1 Analisis Jenis Watak | | | | | 84 |
| 4.1.1 Jenis Wanita Mengikut A. Wahab Ali | | | | | 84 |
| 4.1.2 Watak Wanita Moden | | | | | 85 |
| 4.1.3 Wanita Transisi | | | | | 94 |
|  05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi | |
| 4.1.4 Wanita Tradisi | | | | | 103 |
| 4.1.5 Rumusan Jenis Watak | | | | | 113 |
| 4.1.6 Mengikut Jenis Wanita Ungku Maimunah Mohd Tahir | | | | | 117 |
| 4.1.6.1 Jenis Watak Positif Mengikut Ungku Maimunah Mohd Tahir | | | | | 118 |
| 4.1.6.2 Jenis Watak Negatif Mengikut Ungku Maimunah Mohd Tahir | | | | | 129 |
| 4.1.7 Jenis Watak Tragis | | | | | 134 |
| 4.1.8 Rumusan Jenis Watak Positif, Negatif dan Tragis | | | | | 139 |
| 4.2 Analisis Kedudukan Wanita | | | | | 143 |
| 4.3 Analisis Citra Perjuangan Wanita | | | | | 189 |
| 4.4 Kesimpulan | | | | | 233 |

BAB 5

05-4506832

RUMUSAN

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

| | | |
|----------------|--|-----|
| 5.0 | Pengenalan | 236 |
| 5.1 | Citra Wanita dalam Novel-Novel M. Ramiah | 236 |
| 5.1.1 | Rumusan Analisis Jenis Watak Wanita dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah | 237 |
| 5.1.2 | Rumusan Analisis Kedudukan wanita dalam novel-Novel Terpilih M. Ramaiah | 239 |
| 5.1.3 | Rumusan Perjuangan Wanita dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah | 241 |
| 5.2 | Cadangan Kajian Selanjutnya | 245 |
| 5.3 | Kesimpulan | 246 |
| RUJUKAN | | 247 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

| No.Jadual | | Muka Surat |
|-----------|---|------------|
| 3.1 | Kerangka Kajian | 61 |
| 3.2 | Rumusan Ciri-ciri Tentang Citra Wanita | 79 |
| 3.2 | Jenis Watak | 81 |
| 4.1 | Jenis Watak Wanita Dalam Setiap Novel | 114 |
| 4.2 | Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Setiap Novel | 117 |
| 4.3 | Jenis Watak Positif, Negatif Dan Tragis Wanita Dalam Setiap Novel | 140 |
| 4.4 | Perincian Jenis Watak Positif, Negatif Dan Tragis Wanita Dalam Setiap Novel | 142 |
| 4.5 | Perincian Jenis Watak Wanita. Dalam Novel Al:Akin A:Rathanai | 144 |
| 4.6 | Rumusan Perwatakan Watak Wanita , Novel Al:Akin A:Rathanai | 146 |
| 4.7 | Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Nheruppu Cunai | 150 |
| 4.8 | Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Nheruppu Cunai | 152 |

| | | | | | |
|------|------------|--|--|---|-----|
| 4.9 | 05-4506832 |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi | 156 |
| 4.10 | | Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan Dalam Novel Cankamam | | | 157 |
| 4.11 | | Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Cangkamam | | | 160 |
| 4.12 | | Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan Dalam Novel Ethir Vi:t:u | | | 163 |
| 4.13 | | Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Ethir Vi:t:u | | | 163 |
| 4.14 | | Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan Vil-Alum Nhirum | | | 170 |
| 4.15 | 05-4506832 |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi | 178 |
| 4.16 | | Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan Mana U:Nangal | | | 179 |
| 4.17 | | Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Mana U:Nangal | | | 179 |
| 4.18 | | Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan Payan:angkal: Mut:ivathillai | | | 183 |
| 4.19 | | Perincian Jenis Watak Wanita Dalam Novel Payan:angkal: Mut:ivathillai | | | 184 |
| 4.20 | | Peratus Feminisme Mangsa dan Feminisme Kekuasaan daripada keseluruhan Novel Ciri –Ciri Golongan Wanita Dalam Keseluruhan Novel | | | 186 |
| | | | | | 187 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Muka Surat |
|------------------|-------------------|
|------------------|-------------------|

| | | |
|-----|--|-----|
| 3.1 | Reka bentuk Kajian | 60 |
| 3.2 | Aliran Methodologi Kajian | 68 |
| 4.1 | Peratusan Jenis Watak Wanita Dalam Tujuh Buah Novel | 116 |
| 4.2 | Peratusan Jenis Watak Positif, Negatif Dan Tragis Wanita Dalam 7 Buah Novel | 143 |
| 4.3 | Kedudukan Wanita Dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah | 188 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

SPM Sijil Pelajaran Malaysia

SRP Sijil Rendah Pelajaran

NGO *Non Goverment Organisastion*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

TRANSLITERASI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Culture. Berikut adalah dasar-dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

உயிரமுத்துகள் / Huruf-huruf Vokal

| | | | | | |
|---|---|----|----|---|----|
| அ | - | a | எ | - | e |
| ஆ | - | a: | ஏ | - | e: |
| இ | - | i | ஐ | - | ai |
| ஏ | - | i: | ஓ | - | o |
| உ | - | u | ஓ | - | o: |
| ஊ | - | u: | ஓள | - | au |
| | | | : | - | x |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

மெய்யமுத்துகள் / Huruf-huruf Konsonen

| | | | | | | | | |
|----|---|----|----|---|----|----|---|----|
| க் | - | k | த் | - | th | ல் | - | l |
| ங் | - | ng | ந் | - | nh | வ் | - | v |
| ச் | - | c | ப் | - | p | ழ் | - | l- |
| ஞ் | - | nj | ம் | - | m | ன் | - | l: |
| ட் | - | t: | ய் | - | y | ற் | - | t |
| ண் | - | n: | ர் | - | r | ன் | - | n |

சமஸ்கிருத எழுத்துகள் / Huruf-huruf Sanskrit

| | | | | | |
|----|---|----|------|---|----|
| ஜ் | - | j | ஹ் | - | h |
| ஷ் | - | sh | க்ஷ் | - | ks |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sesuatu karya sastera sebenarnya lahir di tengah-tengah sesebuah masyarakat sebagai hasil imaginasi seseorang penulis berdasarkan refleksinya terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku di persekitarannya. Para penulis menulis cerita tersebut berdasarkan imaginasi dan kehendak yang ada dalam diri mereka. Imagination mereka ini pula dipengaruhi oleh faktor dalaman jiwa mereka, kepentingan diri dan tuntutan persekitaran. Lantaran itu boleh dikatakan bahawa dalam karya seni tersebut sebenarnya wujud dua elemen iaitu khayalan dan realiti.

Di samping itu, seseorang pengarang juga akan melakarkan pandangan dunianya melalui peristiwa-peristiwa dalam karya tersebut. Watak-watak khayalan yang diwujudkan dalam ceritanya itu merupakan satu hiburan dan ruang untuk kita menjenguk sudut pandangan penulis tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana wujud penggabungjalinan antara imaginasi penulis sebagai individu dalam masyarakatnya serta rujukan realiti sosial yang ada di persekitarannya. Seiring dengan ini, karya sastera akan membuka ruang kepada pembaca untuk melihat masyarakatnya kerana semasa penulis berkarya wujud kecenderungan yang jelas dalam karyanya itu yang berpaksi kepada akar budaya masyarakat persekitarannya.

Ringkasnya, sastera ialah rakaman kehidupan yang mengali dan menyelongkar kehidupan manusia daripada pelbagai dimensi dan sudut pandang yang berbeza-beza.

Sesebuah karya sastera sebenarnya tidak dihasilkan dalam kekosongan atau tanpa sebab dan hal ini telah dijelaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005) dengan menarik. Menurutnya, teks atau karya sastera ialah rakaman imaginasi pengarang yang di dalamnya sarat dengan maklumat dan isian sama ada bersifat keintelektualan maupun kerohanian.

Dari prespektif yang berbeza pula, sesuatu yang digarap dalam sastera ialah sesuatu yang berlaku dan terjadi dalam realiti kehidupan manusia. Usman Awang, A.Samad Said dan Dharmawijaya pernah menegaskan bahawa sastera ialah gambaran kehidupan manusia. Asraf (1954) pula berpendapat bahawa sastera berperanan untuk memberi suluh pada seseorang pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa dan kesusasteraan adalah juga alat untuk memajukan fikiran rakyat (Keris Mas, 1962). Rentetan itu, boleh dikatakan bahawa seluruh kejadian dalam sesebuah karya sastera

sebenarnya berkisar kepada kejadian yang pernah dan mungkin terjadi dalam kehidupan sehari-hari. Lantaran itu, karya sastera dianggap sebagai representasi kolektif yang secara umum berfungsi sebagai sarana untuk memperjuangkan aspirasi dan kencenderungan masyarakat yang berkaitan dengannya. Manakala Horace yang dipetik oleh Mohd. Yusof Hasan (1995) pula berpendapat bahawa kesusasteraan, mempunyai unsur *dulce* dan *utile* iaitu keindahan dan manfaatnya. Tambahan pula sastera dan masyarakat merupakan dua entiti yang saling berhubungan dan tidak dapat dipisahkan (Sohaimi Abdul Aziz, 1992). Tanpa sastera, masyarakat tidak dapat mengenali kehidupannya dan tanpa masyarakat, sastera pula tidak dapat menemui bentuknya. Hujah-hujah ini menunjukkan bahawa karya sastera mampu dianggap sebagai dokumen sosial.

1.2 Latar Belakang Kajian


Jelas kelihatan kepada kita bahawa sastera secara ringkasnya berkisar tentang kehidupan manusia dan di dalamnya terselit rakaman yang berkaitan dengan moral, situasi sosial dan sejarah masyarakatnya. Salah satu genre sastera yang popular ialah novel. Novel dikatakan salah satu bentuk rakaman tulisan yang menyentuh tentang perwatakan yang sering kita temui dalam kehidupan harian kita (Manonmani Devi, 2008). Novel merupakan salah sebuah genre sastera moden yang paling popular sejak abad ke-20. Bermula dari abad ke-20 ini, genre novel telah berkembang dengan begitu pesat dan mewarnai dunia kesusasteraan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa novel merupakan salah satu bentuk kesusasteraan yang begitu menonjol dalam era ini (Sababathy, 1999).

Perkataan novel ini sebenarnya berasal dari perkataan Latin ‘*novellas*’ (Dhandayudham, R. 1980). Kata akar bagi perkataan ini ialah kata *novus* yang membawa makna baharu dalam bahasa Inggeris (Baktavatsalam, 1977). Dalam bahasa Sepanyol pula dikenali sebagai ‘*novela*’ dan dalam bahasa Perancis pula ‘*nouvelle*’ yang bermaksud ‘sebuah kisah’ atau ‘sepotong berita’. Novel bukanlah karangan yang berbentuk fakta. Penulis novel pula dikenali sebagai novelis (Siti Hajar, 2009).

Dalam konteks kesusasteraan Tamil pula cerita rekaan baharu ini dikenali sebagai *putinam*, *naval*, *navinam*, dan *navinakam* (Visvanathan, 1976). Seperti yang telah ditegaskan perkataan ‘novel’ dalam istilah bahasa Inggeris bermaksud baharu dan lantaran itu dalam bahasa Tamil istilah yang sesuai ialah *putinam* (*Tamil Lexicon*, 1976).



Dilihat dari sudut definisinya, novel boleh diertikan sebagai karya fiksyen yang panjang (Hashim Awang, 1984). Di dalamnya terdapat watak, latar, plot dan unsur-unsur fiksyen yang lain. Ceritanya mengandungi konflik, percubaan menyelesaikan konflik, puncak dan peleraian. Selain itu, novel juga merupakan karangan berbentuk fiksyen atau cereka, iaitu cerita rekaan. Novel ialah cerita panjang yang ditulis dan dikarang dalam bentuk prosa. Novel dikategorikan sebagai prosa naratif (Rahman Shaari, 2001).



merangkumi tiga faktor utama yang saling berkait antara satu sama lain, iaitu



Manakala Arba'ie (2008) menyatakan bahawa novel yang terhasil daripada cetusan gabungan daya rasa, kepekaan dan keprihatinannya terhadap apa yang diamati dan dialami oleh masyarakat. Tegasnya, novel bukan sahaja satu bentuk ilmu yang berseni tetapi turut merangkumi segala aktiviti manusia secara kreatif. Sesebuah karya novel juga merupakan cerminan realiti kehidupan. Persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam sesebuah karya novel merupakan rakaman realiti dalam masyarakatnya. Ringkasnya, novel merupakan renungan serta pengamatan pengarangnya dan diterjemahkan secara halus dan berhemah.

Berdasarkan tiga definisi ini boleh dirumuskan bahawa novel merujuk kepada bentuk sastera yang merupakan karya panjang dan kompleks sifatnya yang terbina dengan unsur-unsur utamanya seperti plot, perwatakan, latar dan sudut pandangan. Ringkasnya, novel merupakan karya sastera yang bersifat realis. Lebih terperinci lagi novel ialah sebuah roman yang lebih panjang dari cerita pendek dan menceritakan kehidupan seseorang dengan lebih mendalam dengan menggunakan bahasa sehari-hari serta banyak menyentuh aspek kehidupan manusia. Di dalam novel ini tersuguh atau termuat sebahagian daripada sebuah kehidupan masyarakatnya. Secara umumnya, novel merupakan tanggapan pengarang terhadap lingkungan sosial budaya sekelilingnya.

Seiring dengan ini, novel boleh dikategorikan sebagai karya sastera yang berfungsi sebagai tempat menuangkan pemikiran pengarangnya sebagai reaksi dirinya

terhadap keadaan sekitarnya. Sehubungan dengan ini, kita boleh rumuskan bahawa novel juga mampu menjadi cermin pantulan kepada sesebuah masyarakat dan dokumen yang merakamkan perkembangan sesebuah masyarakat. Lantaran itu, kita dapat melihat adanya hubungan erat antara karya kreatif dengan konteks zamannya. Dalam setiap novel terselit hasil pengaruh yang rumit dari faktor-faktor sosial dan budayanya.

Salah satu masyarakat yang menjadi warga Malaysia ialah masyarakat India. Sehubungan dengan itu, seperti yang telah dikupaskan di atas, hasil kesusasteraan yang dihasilkan oleh mereka turut merakamkan kehidupan masyarakat India di negara kita. Sebelum kita melihat kesusasteraan mereka, kita perlu melihat sejarah masyarakat India itu sendiri di negara kita.

Sejarah masyarakat India di Semenanjung Tanah Melayu dikatakan wujud sejak pada abad kedua sebelum Masihi dengan kerajaan Langkasuka (Purcell, 1965). Menurut Arasaratnam (1964) kaum India merupakan masyarakat ketiga terbesar di Malaysia. Kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu dikatakan oleh Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fauziah Shaffie (1994) bermula sejak abad pertama dan dipercayai didorong oleh keinginan untuk menyebarkan kepercayaan Hindu dan Buddha di Kepulauan Melayu. Namun demikian semasa Zaman Kesultanan Melayu Melaka pula, mereka terlibat dalam bidang perniagaan (Asmiaty Amat, 2000). Pada akhir abad ke-19 British menguasai dan menjajah India sebelum mereka tiba ke Tanah Melayu. Akibat desakan ekonomi kaum India mula dibawa oleh British ke Malaya untuk menjayakan dasar-dasar ekonominya (Mills, 1966). Sebenarnya hal ini

dipengaruhi oleh hakikat penguasaan British yang menjadi penjajah yang sama di India dan Tanah Melayu.

Kehadiran masyarakat India untuk memenuhi tuntutan ekonomi ini dikatakan bermula pada abad ke-18 apabila British membawa orang India untuk bekerja di ladang kopi dan tebu di Tanah Melayu di Pulau Pinang (Anbalakan, 2008). Golongan imgiran ini mula membanjiri ladang-ladang getah di Tanah Melayu sebagai kuli (Asmiaty Amat, 2000) kerana pihak British memerlukan tenaga buruh untuk tujuan dasar ekonomi terutamanya pertanian di Tanah Melayu. Menurut Stenson (1980) orang Tamil memenuhi kehendak ini kerana mereka bersedia untuk bekerja seperti hamba dalam keadaan yang paling teruk untuk upah yang sangat rendah. Di negara kita bolehlah dikatakan bahawa sejarah kedatangan orang India wajar dikaitkan dengan perkembangan industri getah (Ummadevi Suppiah, 2005).

Kehadiran golongan ini ke Malaysia turut mengheret pelbagai aspek kehidupan mereka ke negara kita. Salah satu daripadanya ialah tradisi penulisan mereka. Seperti yang kita sedia maklum, masyarakat India di Malaysia kebanyakannya terdiri daripada golongan etnik Tamil. Hasilnya bersama kehadiran mereka, sistem pendidikan Tamil turut berkembang di nusa kita. Seiring dengan ini, kesusasteraan Tamil mula berakar umbi di negara kita (Manisegaran, 1988). Salah satunya ialah novel Tamil Malaysia.

Menurut Sababathy (1992) pengenalan novel dalam kesusasteraan Tamil berkait rapat dengan kehadiran British di India sebagai penjajah. Kedatangan mereka telah merintis jalan kepada pengenalan novel di India. Malah pada akhir abad ke-20

pengaruh genre novel ini mula mendapat tempat dan berkembang dengan pesat di

India dan seterusnya di negara kita.

Dalam kesusasteraan India, genre novel yang pertama sebenarnya diterbitkan dalam bahasa Tamil pada tahun 1876 oleh Mayuram Vethanayagam Pillai yang berjudul *Piratha:pa muthaliya:r cariththiram*. Novel ini turut diangkat sebagai novel yang pertama dalam bahasa Tamil (Manonmani Devi, 2008). Lantaran itu, menurut Sauriraj (1997) Mayuram Vethanayagam Pillai diiktiraf sebagai ‘Bapa Novel Tamil’.

Dalam dunia penulisan kesusasteraan Tamil, novel mula mendapat momentum selepas itu dan berkembang dengan pesat serta bertapak dengan kukuh. Ramai novelis yang tersohor mula menempa nama dalam bidang penulisan novel Tamil. Antaranya                                                                                                                

Pengaruh perkembangan novel di India turut memberi tempiasan kepada masyarakat imigran Tamil untuk berjinak-jinak dalam penulisan novel ini. Novel *Karun:a:karan allathu ka:thalin ma:t:ci* yang diterbitkan pada tahun 1917 karya Vekatarettinam (Loganayagi, 1971) yang merupakan karya sulung dalam konteks penulisan novel tempatan kita dalam bahasa Tamil. Sedikit demi sedikit genre novel ini mula mendapat tempat dalam konteks negara kita.

ditulis dalam dua bahagian masing-masing (Sababathy, 1992). Penghasilan novel Tamil di Malaysia mula terbantut dan hanya selepas tahun 1930-an sahaja muncul semula dalam tradisi penulisan tempatan (Mathialagan, 1988). Banyak faktor seperti Perang Dunia Pertama menjadi punca kepada keadaan ini (Manonmani Devi, 2008). Dalam tempoh ini terdapat 13 buah novel yang diterbitkan. Manakala dalam tempoh antara tahun 1940-an dan 1950-an hanya sebuah novel sahaja yang telah diterbitkan iaitu *Mo:va:thamullai* yang ditulis oleh Narasimmaraj yang diterbitkan pada tahun 1949 (Sababathy, 1992).

Era 1960-an merupakan dekad peningkatan dalam sejarah kesusasteraan novel Tamil Malaysia. Dekad 1970-an pula merupakan zaman yang cukup bermakna kepada perkembangan novel Tamil di Malaysia (Sababathy, 1996). Sebanyak 23 buah novel telah diterbitkan dalam bentuk buku pada era ini. Dekad 1980-an memperlihatkan era yang membanggakan novel-novel Tamil Malaysia. Sebanyak 25 buah novel telah diterbitkan pada tempoh ini (Manonmani Devi, 2008) Tahun 1990-an hingga hari ini perkembangan novel di Malaysia agak perlahan. Cuma terdapat beberapa orang penulis sahaja yang masih berminat untuk menghasilkan novel.

1.3 Permasalahan Kajian

Williams (1977) berpendapat bahawa kesusasteraan merupakan salah satu daripada pelbagai institusi yang mampu menyampaikan secara dominan bagi mentafsirkan pengalaman manusia berdasarkan beberapa Baskip ideologikal yang berfungsi.

Pendapat yang hampir sama diajukan oleh Eagleton. Bagi beliau hasil kesusasteraan

Literary works are not mysteriously inspired, or explicable simply in term their author's psychology. They are forms of perception, particular ways seeing the world; and as such they have a relation to that dominant way of seeing the world which is the social mentality or ideology of an age.

(Eagleton, 1976: 6)

Hal ini diuraikan dengan jelas oleh Hashim Awang (1997) yang menegaskan bahawa pemikiran dalam kesusasteraan termasuk novel terbahagi kepada dua. Aspek pertama ialah pemikiran yang ditimbulkan oleh pelbagai watak dalam sesuatu cerita, lakonan dan sajak. Kedua pula ialah pemikiran yang membangunkan tema atau makna daripada keseluruhan karya tersebut. Ringkasnya, kedua-dua pemikiran disebutkan itu berasal daripada penulis. Apabila pemikiran dinyatakan melalui watak tertentu dalam sesebuah karya, pembaca harus berhati-hati untuk tidak menjadikannya sebagai satu nilai yang benar. Hal ini dikatakan demikian kerana pemikiran sewajarnya

dipertimbangkan dalam konteks dan hubungannya dengan keseluruhan karya.

S.Othrnan Kelantan (1997) pula berpendapat bahawa pemikiran dalam karya kesusasteraan merujuk kepada idea yang wujud daripada golongan intelektual yang menggunakan fakulti kritikal dalam mindanya untuk memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakatnya. Seterusnya pemikiran tersebut disebarluaskan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau ke luar daripada masyarakatnya. Hal ini mungkin timbul kerana golongan penulis merakamkan ketidaksenangan dan kegelisahannya dalam bentuk novel mengikut ancaman yang muncul pada zamannya. Lantaran itu adalah afdal untuk dikaji pemikiran yang tersembunyi ataupun tersirat dalam sesebuah novel untuk melihat keupayaan dan keunggulan pengarang meluahkan perasaan mereka yang beragam dan kompleks itu.

05-4506832 pustakapsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kita perlu mengakui bahawa penulisan kreatif merupakan bidang ilmu yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa, sesuai dengan perubahan pemikiran manusia, teknologi dan gaya kreativiti manusia. Walau apapun perubahan yang berlaku dalam bidang penulisan kreatif, sama ada dari segi teori dan praktik, hanya golongan penulis yang cekal, beriltizam dan serius sahaja yang akan kekal terlibat sebagai penulis.

Dari perspektif yang berbeza pula, salah satu aspek pemikiran dalam novel ialah citra dan pemikiran mampu digali melalui watak-watak yang beraneka ragam dalam urutan plot cerita tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji tentang pemikiran kreatif penulis dalam membangunkan watak dan sahsiah wanita. Kenapakah kita perlu mengkaji watak wanita? Wanita merupakan golongan yang

wujud dalam masyarakat kita. Kehadiran wanita agak menonjol dalam masyarakat Malaysia. Tidak keterlaluan juga dikatakan bahawa wanita merupakan seseorang yang menjadi tonggak kepada pembangunan seorang lelaki. Lantaran itu, kewujudan watak wanita dalam sesuatu karya adalah suatu pelengkap bagi karya tersebut. Masyarakat Barat menyedari akan peranan kaum golongan wanita dalam waktu-waktu peperangan sekitar 1970-an. Sebaliknya, masyarakat India juga telah lama menyedari kepentingan dan peranan yang dimainkan oleh golongan wanita. Malahan sejarah masyarakat India yang mengalami perubahan yang mendadak sejak penghujung tahun-tahun 70-an meletakkan kedudukan golongan wanita dalam situasi yang baharu. Perkembangan peluang untuk menimba pendidikan telah membawa perubahan dalam kehidupan wanita. Malahan perkembangan ekonomi juga turut mengheret golongan ini untuk

terlibat secara langsung dan sektor ekonomi.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tambahan pula kebanyakan novel penulis ini didasari oleh watak wanita.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi Tentulah pencitraan watak wanita agak menonjol dalam karya-karya seumpama ini kerana perkembangan cerita digerakkan oleh watak-watak wanita. Memandangkan watak wanita agak menonjol dalam karya-karya penulis ini, maka pendekatan kritikan feminsime telah dijadikan landasan untuk membaca karya-karya ini. Memandangkan hal ini pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengkaji watak wanita menggunakan pendekatan feminism dalam novel karya M. Ramaiah.

Hal yang sama juga boleh dikatakan tentang dunia kesusasteraan Tamil Malaysia. Kehadiran M.Ramaiah dalam dunia penulisan novel Tamil Malaysia memang sangat dirasakan pentingnya. Hal ini demikian kerana M.Ramaiah merupakan seorang penulis yang prolifik kerana telah menghasilkan banyak karya.

 Sehingga hari ini  M.Ramaiah  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi, 100 esei, 50 sajak, 14 novel dan 3 novel bersiri. Malahan pengarang kelahiran Tangkak ini yang mula berkecimpung dalam dunia penulisan sejak 1940-an (*Mimpi dan Impian*, 2014).

Selain itu, M.Ramaiah ini juga adalah antara penulis veteran Tamil Malaysia yang masih lagi aktif menulis. Pada tahun 1975 Ramaiah telah diberi jolokan ‘Sirukathai Mannan’ yang bermaksud Raja Cerpen Tamil Malaysia. M. Ramaiah juga telah dikatakan sebagai sasterawan Tamil yang ulung di Malaysia. Malahan A.Thevarajan seperti yang terakam dalam buku *Mimpi dan Impian* (2014) berpendapat bahawa Ramaiah ialah penulis prolifik yang tidak asing lagi di persada seni kreatif tanah air, khususnya dalam kalangan pencinta kesusasteraan Tamil Malaysia. Malah apa yang lebih menarik ialah Ramaiah merupakan individu